

**TITAH UCAPAN RAJA MUDA PERLIS
DYTM TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA JAMALULLAIL DI MAJLIS
PENYAMPAIAN HADIAH SEMPENA PROGRAM *PI* (π)
MEMORIZATION COMPETITION PERLIS 2018
BERTEMPAT DI DEWAN KECEMERLANGAN, KAMPUS ALAM
UniMAP, PAUH PUTRA, ARAU, PERLIS
PADA 28 APRIL 2018, JAM 3.00 PETANG**

Bismillahirrahmanirrahim,

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

“Raja Berdaulat, Rakyat Berilmu, Negeri Sejahtera, Perlis Maju”

serta Salam *“Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP”*.

Alhamdulillah, Saya bersyukur kehadiran Allah Aza Wajalla kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya jua maka dapatlah kita bersama-sama pada petang yang sungguh berbahagia ini.

Mula-mula sekali, Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Naib Canselor dan seluruh Jawatankuasa Pelaksana yang terdiri daripada warga Institut Matematik Kejuruteraan (IMK) melalui IMK Postgraduate Club, dibantu oleh Sekretariat STEM UniMAP, Yayasan Tuanku Syed Putra (YTSP) Perlis, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Perlis serta semua pihak yang menjayakan program ini.

Saya juga mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat-Yang Berhormat, dif-dif kehormat, para tetamu, peserta, pelajar serta semua yang dapat meluangkan masa.

Hadirin sekalian,

Program 'Pi (π) Memorization Competition Perlis 2018' ini pada Saya mampu memaparkan Keindahan Sains dan Matematik kepada masyarakat. Walaupun ia mungkin kelihatan satu konsep yang mudah, tapi ia sebenarnya satu cabaran yang besar. Ini kerana untuk merubah masyarakat yang memiliki tanggapan 'kurang selesa dengan nombor' kepada masyarakat yang 'mencintai matematik dan sains', adalah cabaran utama bidang pendidikan. Kita yakin perubahan masyarakat pasti menghasilkan kesan besar terhadap sesebuah negara, "*Our greatest natural resource is the MIND of our children*".

Kepesatan teknologi dan ledakan Revolusi Industri Ke-4 juga memberi kesan terhadap pendekatan pendidikan di sekolah dan universiti. Inovasi hanya akan tercapai jika seseorang itu mempunyai kefahaman mendalam dalam Sains Asas dan Matematik.

Justeru, Saya melihat pendidikan STEM merupakan 'kunci' kejayaan terhadap penghasilan generasi yang mampu merubah sains dan teknologi dunia. Kelestarian pendidikan STEM juga hanya akan dicapai dengan penglibatan holistik semua pihak termasuklah ibu bapa, masyarakat dan negara melalui;

Pertama – 'Mindset' Atau Tanggapan

Tiada siapa yang dilahirkan 'tidak pandai' matematik tetapi pernyataan berterusan di 'minda bawah sedar' atau '*subconscious mind*' bahawa 'tidak pandai' matematik ini telah menjadi 'noktah' untuk berhenti berusaha kerana kepercayaan 'matematik itu sukar'. Sentiasa tanamkan di minda anak-anak untuk tidak 'takut' pada nombor dan penggunaannya penting bukan sahaja untuk prestasi sekolah malah membantu membuka lebih banyak peluang yang lain.

Kedua - Menjadi Contoh Yang Baik

Ibu bapa dan guru perlu menunjukkan bahawa nombor bukanlah sesuatu yang wajar ditakuti serta pamerkanlah keyakinan semasa berhadapan dengan tugas matematik.

Ketiga - Membacakan Matematik

Di peringkat anak-anak kecil, ibu bapa harus mula memperkenalkan mereka dengan nombor. Dapatkan kad imbas, buku, lagu atau cerita mengenai nombor. Cara ini boleh membantu mereka untuk merasa 'selesa' dengan nombor.

Keempat - Pastikan Ia Menyeronokkan

Matematik tidak membosankan malah terdapat banyak cara menyeronokkan seperti permainan *Lego* untuk belajar mengenai pecahan atau origami bagi menimbulkan minat dalam geometri.

Kelima - Ambil Tahu Topik Terkini Yang Dipelajari

Ibu bapa perlu mengambil tahu tahap kebolehan matematik yang perlu dikuasai di sekolah. Malah pemantauan kerja rumah dan cara menyelesaikan permasalahan matematik harus dilakukan bagi melihat perkembangan mereka.

Keenam - Kaitkan Matematik Dengan Realiti

Libatkan mereka dengan perkara 'realiti' berkaitan matematik seperti menghitung bil dan perbandingan harga barangan runcit supaya mereka mengetahui bahawa matematik itu diperlukan setiap hari.

Ketujuh - Penganjuran Program Berkaitan

Inisiatif berterusan perlu agar matematik sentiasa segar di minda pelajar. Tidak hanya berfokus kepada pelajar yang bakal menduduki peperiksaan sahaja tetapi kepada semua peringkat usia mengikut kesesuaian dengan kemampuan mereka, serta

Kelapan - Latihan Kepada Pendidik

Di peringkat kementerian pula, idea-idea baharu perlu bagi memantapkan lagi teknik pengajaran para pendidik. Perubahan pendekatan pengajaran dan pembelajaran Matematik amat diperlukan bagi menangani persepsi 'Matematik subjek sukar'. Ceriakan Matematik dengan pendekatan bersifat 'konsep', dan bukan semata-mata dengan 'formula' Matematik yang terlalu abstrak atau kompleks.

Hadirin sekalian,

Saya harap melalui program ini, ia akan membuka minda pelajar untuk lebih menghayati simbol-simbol Matematik lain. Matematik satu elemen penting dalam pembangunan Sains, Kejuruteraan dan Teknologi. Tanpa penguasaan bidang ini, sukar untuk seseorang itu menjadi pemegang teknologi atau pencipta teknologi. Dari sekecil-kecil zarah, sehinggalah sebesar alam semesta, kesemuanya memerlukan penguasaan di dalam ilmu Matematik.

Sebagaimana yang dimaklumkan oleh Naib Canselor sebentar tadi, salah seorang murid iaitu anak jati negeri Perlis daripada SK Tengku Budriah, adik Iskandar bin Mohamad Nazri, telah menjadi rakyat Malaysia pertama tersenarai dalam *Pi World Ranking*. Beliau berjaya menghafal 60 digit Pi selama 21 saat pada 10 November tahun lalu. Saya berharap inisiatif penganjuran sebegini akan diteruskan oleh UniMAP melalui kepelbagaian kepakaran yang ada di dalam kampus bertepatan prinsip "*University Civilized People*", di mana ia menjadi tunjang perkongsian ilmu oleh warga kampus dengan masyarakat. Semoga lebih ramai lagi nama anak Malaysia termasuklah dari Perlis akan tercatat dalam *Pi World Ranking* di masa hadapan.

Hadirin sekalian,

Mengakhiri titah, berbanyak terima kasih sekali lagi kepada semua pihak yang menjayakan majlis ini. Kepada Dr. Mohamad Nazri, tahniah di atas inisiatif ini dan semoga masyarakat akan bersifat lebih terbuka dan mencintai bidang ilmu Matematik, Sains dan juga Fizik, InsyaAllah.

Dengan ini, Saya merasmikan Majlis Penyampaian Hadiah dan Penutupan 'Program *Pi (π) Memorization Competition Perlis 2018*'.

Sekian,

Wabillahitaufik Walhidayah,

Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.